

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(I)9**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN DALAM  
YB. SATEES A/L MUNIANDY**

9. Apakah impak penularan wabak COVID-19 ke atas ekonomi Pulau Pinang?
  - (a) Sila perincikan kesan tersebut mengikut sektor-sektor ekonomi di Pulau Pinang.

**JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI**

9. Bank Negara Malaysia (BNM) menerusi Laporan Tahunan 2019 yang dikeluarkan pada 3 April 2020 telah membuat unjuran Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) negara yang rendah di antara -2.0 % dan 0.5% berikutan gangguan bekalan, permintaan dan perdagangan di peringkat global yang terganggu akibat daripada wabak COVID-19. Ekonomi di Pulau Pinang turut akan terjejas akibat daripada penularan wabak tersebut.
  - (a) Bagi Negeri Pulau Pinang, kesan yang dialami oleh sektor-sektor ekonomi adalah berdasarkan pengoperasian perkhidmatan *essential* dan *non-essential* yang telah digariskan oleh Kerajaan Persekutuan.

Kesan negatif terhadap sektor pembuatan dan sektor pelancongan telah dilaporkan oleh pengusaha-pengusaha sektor tersebut mahupun sebelum penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) lagi. Kini, PKP juga telah menyebabkan sebahagian besar perniagaan sektor perusahaan kecil dan sederhana (PKS) di Pulau Pinang mengalami kerugian memandangkan perkhidmatan *non-essential* tidak dibenarkan untuk beroperasi buat tempoh PKP ini.

Bagi sektor pertanian dan sebahagian industri asas tani diandaikan masih beroperasi seperti biasa memandangkan sektor ini membekalkan makanan mentah kepada pasaran dan orang awam. Namun, kegiatan perniagaan bagi sesetengah pembekal/vendor dijangka terganggu akibat gangguan rantaian bekalan (*supply chain disruption*) dan permintaan yang tidak tentu ekoran *panic-buying* orang ramai pada permulaan tempoh PKP. Tambahan pula, PKP telah mengehadkan pergerakan orang awam akibat operasi sekatan jalan dan menyebabkan penghantaran makanan mentah ke Negeri Pulau Pinang turut terganggu. Walaupun industri makanan dan minuman boleh dianggap sebagai sektor perkhidmatan, tetapi pengusaha industri makanan dan minuman merupakan perkhidmatan *essential*. Terdapat juga pengusaha-pengusaha dalam sektor ini yang mengalami kerugian memandangkan kebanyakan orang ramai kini memilih untuk masak di rumah dan bukannya membeli daripada pengusaha-pengusaha makanan dan minuman.

Subsektor yang berlainan dalam sektor pembuatan akan dipengaruhi secara berbeza. Pembuatan produk *non-essential* diandaikan akan berhenti sepenuhnya bagi tempoh PKP. Bagi pembuatan beberapa produk *essential* pula, mereka dikehendaki untuk beroperasi dengan kapasiti sebanyak 50% sahaja. Ini akan mengakibatkan pengeluaran yang berkurangan dan sebahagian tenaga kerja akan digantungkan. Pengeluaran produk *essential* yang tidak jatuh di bawah sekatan PKP dibenarkan beroperasi seperti biasa tetapi dengan garis panduan tambahan seperti kerja sanitisasi perlu dijalankan dan sebagainya. Secara am, industri pembuatan Pulau Pinang akan terjejas disebabkan oleh pemberhentian kerja subsektor tertentu.

Sektor pembinaan dan perlombongan dikehendaki menghentikan operasi mereka dalam tempoh PKP, memandangkan sektor tersebut berada di bawah perkhidmatan *non-essential*.

Sektor perkhidmatan juga akan terjejas. Sesetengah subsektor yang menyediakan perkhidmatan penting dibenarkan beroperasi, tertakluk kepada jam operasi

seperti yang ditetapkan semasa tempoh PKP. Impak negatif kepada subsektor berkurang berbanding dengan subsektor lain, walaupun ia masih dijangka akan mengalami kekurangan hasil dari segi jualan dan perkhidmatan, disebabkan pergerakan pengguna dan pelanggan yang terhad. Perkhidmatan *non-essential* yang tidak mempunyai *online platform* akan mengalami kerugian kerana mereka tidak dapat menjangkau pelanggan dan pengguna semasa tempoh *lockdown*. Perkhidmatan dalam industri pelancongan, seperti perkhidmatan penginapan, juga mengalami kerugian yang besar namun kerugian-kerugian ini belum dapat dianggar buat masa ini.